



[JPIN:100-4/1 KLT.7 ()]

PEKELILING PENGARAH PERIKANAN SABAH BIL. 2 / 2023

KADAR TUNTUTAN PERJALANAN (TANPA RESIT) BAGI MENJALANKAN TUGAS RASMI

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan menetapkan kadar tuntutan perjalanan (tanpa resit) bagi menjalankan tugas rasmi di Jabatan Perikanan Sabah.

LATAR BELAKANG

2. Berdasarkan semakan dan kajian Bahagian Khidmat Pengurusan, terdapat beberapa tuntutan perjalanan (tanpa resit) pegawai dan kakitangan Jabatan ini yang dikemukakan adalah tidak seragam dan tidak munasabah. Keadaan ini menyebabkan berlakunya penggunaan peruntukan kewangan yang tidak efisien dan berlaku pembaziran di pihak Jabatan.

3. Selain itu, perkara ini juga menyebabkan pegawai dan kakitangan Jabatan ini terdedah kepada risiko ketirisan dalam mengurus sumber Jabatan dan berisiko tinggi untuk membuat tuntutan palsu. Sehingga kini, tiada garis panduan yang jelas mengenai kadar tuntutan perjalanan (tanpa resit) bagi menjalankan tugas rasmi. Berdasarkan kajian Jabatan ini, terdapat beberapa jabatan / agensi Kerajaan Negeri yang telah menetapkan kadar tuntutan perjalanan (tanpa resit) bagi menjalankan tugas rasmi di jabatan masing-masing.

4. Oleh itu, amat perlu bagi Jabatan ini untuk menetapkan kadar yang munasabah serta seragam bagi memudahkan proses tuntutan perjalanan apabila kembali dari menjalankan tugas rasmi. Langkah ini juga merupakan salah satu inisiatif kawalan dalaman (*internal control*) bagi memantapkan lagi pengurusan kewangan di Jabatan ini.

KADAR TUNTUTAN

5. Selaras dengan keputusan **Mesyuarat Pengurusan Jabatan Perikanan Sabah Bilangan 1 Tahun 2023** yang telah bersidang pada **30 Januari 2023**, kadar tuntutan perjalanan (tanpa resit) telah ditetapkan secara seragam seperti yang berikut:

Kadar Tuntutan (Tanpa Resit) (Pergi dan Balik) Bagi Sesuatu Perjalanan (A ke B atau B ke A)		Jumlah Tuntutan Maksimum Bagi Setiap Perjalanan (Pergi – Balik) (RM)
Pergi (A - B)	Balik (B - A)	
Tidak melebihi RM50.00	Tidak melebihi RM50.00	Tidak melebihi RM100.00

* **Nota** : Dengan syarat, pegawai tidak menaiki kenderaan yang disediakan oleh Jabatan atau penganjur.

6. Sebagai contoh, berikut adalah pernyataan tuntutan perjalanan dalam Borang JBN.01 (Pindaan) bagi tuntutan perbelanjaan pelbagai:

<u>Tarikh</u>	<u>Perkara</u>	<u>Jumlah (RM)</u>
<u>25 & 27 Januari 2023</u>	<u>Tambang perjalanan (tanpa resit) dari rumah (Sepanggar) ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu Terminal 1 (pergi balik)</u>	<u>100.00</u>
<u>25 & 27 Januari 2023</u>	<u>Tambang perjalanan (tanpa resit) dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Terminal 1 ke Hotel Everly Putrajaya (hotel) (pergi balik)</u>	<u>90.00</u>
<u>26 Januari 2023</u>	<u>Tambang perjalanan (tanpa resit) dari Hotel Everly Putrajaya ke Wisma Tani Presint 4 Putrajaya (pergi balik)</u>	<u>40.00</u>
	JUMLAH KESELURUHAN (RM)	230.00

7. Kadar ini hendaklah terpakai bagi semua tuntutan perjalanan di dalam negeri dan luar negeri Sabah termasuk di luar negara.
8. Sekiranya didapati bahawa tuntutan perjalanan tanpa resit pegawai melebihi daripada kadar yang telah ditetapkan seperti di perenggan 5 di atas, Cawangan Akaun Bahagian Khidmat Pengurusan boleh mengambil tindakan untuk **membuat pertanyaan (kuiri)** atau **meminda tuntutan perjalanan tersebut** tanpa memaklumkan pegawai terlebih dahulu.
9. Adalah menjadi tanggungjawab **pegawai yang menuntut** dan **pegawai pelulus tuntutan** untuk memastikan bahawa tuntutan perjalanan tersebut adalah **betul, lengkap dan teratur** sebelum dikemukakan untuk proses pembayaran.
10. Jabatan ini menggalakkan agar pegawai menuntut tambang perjalanan yang disokong dengan resit. Penggunaan resit perkhidmatan *e-hailing* sebagai dokumen sokongan juga amat digalakkan kerana kosnya yang lebih jimat dan munasabah.

TARIKH KUAT KUASA

11. Pekeliling ini hendaklah berkuat kuasa mulai **01 Februari 2023**.

MAKLUMAT AM ATAU PERTANYAAN

12. Sebarang pertanyaan atau kemusykilan mengenai perkara ini boleh dikemukakan kepada Cawangan Pentadbiran atau Cawangan Akaun, Bahagian Khidmat Pengurusan.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA

KUALITI TERBAIK TONGGAK KECEMERLANGAN KAMI



[AZHAR BIN KASSIM]
Pengarah Perikanan Sabah



Tarikh : **23 FEB 2023**

Untuk edaran : Semua Timbalan Pengarah Perikanan
Semua Ketua Penolong Pengarah
Semua Penolong Pengarah Kanan
Semua Penolong Pengarah
Semua Penguasa Perikanan Daerah
Semua Ketua Cawangan
Semua Ketua Unit
Semua Ketua Stesen Perikanan